Kata-kata aluan

Pengerusi Shell Livewire Brunei

LiveWire AgroBiz Majlis Doa Kesyukuran Tamat Latihan Bagi Pelatih AgroBiz Musim Pertama 2019-2020

Ahad, 11 November 2020

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

- Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan
- Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan
- Setiausaha Tetap
- Timbalan Setiausaha Tetap
- Pegawai-pegawai dari pihak kerajaan dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd
- Jurusetia Pandu LiveWire AgroBiz

dan hadirin sekalian.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada tetamu kehormat kita pada hari ini, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong atas kesudian Yang Berhormat untuk menyertai Majlis Doa Kesyukuran Tamat Latihan bagi Pelatih AgroBiz musim pertama 2019-2020 pada petang ini. Kehadiran Yang Berhormat adalah sangat di hargai dan bermakna bagi kami.

Syukur Alhamdulillah, atas izin Allah SWT, hari ini kita berpeluang menyaksikan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Latihan AgroBiz dan doa kesyukuran setelah 10 pelatih berjaya menjalani program selama 15 bulan yang bermula pada bulan Julai 2019 hingga Oktober 2020.

Pelatih AgroBiz telah di beri pendedahan latihan praktikal bertanam padi selama 2 musim berturut dan Alhamdulillah, saya berbangga dengan kejayaan yang telah di capai. Kesemua pelatih menunjukan semangat yang tinggi untuk berjaya, turun ke ladang awal padi sebelum naik matahari dan pulang lewat petang semata-mata untuk memberikan hasil yang terbaik. Inilah jati diri pelatih muda yang kita idam-idamkan yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal dan komersial pertanian, akan tetapi mempunyai kecekalan hati (resilience) and daya kepimpinan (leadership) yang tinggi untuk sentiasa maju kehadapan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas terhadap semua pelatih dan juga semua tenaga pengajar, para ibu bapa dan penjaga dan juga ahli jawatan kuasa pandu AgroBiz yang sama-sama menyokong pelatih-pelatih kita.

Seiring dengan beberapa kemajuan yang kita lihat di dalam penanaman padi yang berjaya menghasilkan tuaian yang tinggi (yield) dan berkualiti, pihak AgroBiz sentiasa mencari peluang bagi penambah baikan yang di fikirkan sesuai untuk di terapkan ke dalam sesi pembelajaran AgroBiz. Kita telah memulakan projek tanaman sampingan (cash crop) seperti Rock Melon, Jagung Manis dan Cili secara fertigasi. Kita sangat berharap pengalaman dari

penghasilan tanaman sampingan, membuka minda pelatih untuk dapat mempelbagai hasil ladang sementara menantikan hasil tuaian padi dan dapat menggunakan keluasan sawah sepenuhnya seperti bertanam di atas batas sawah dan sebagainya. Kita juga telah memberi pendedahan dalam aktiviti post harvest seperti pemprosesan, pembungkusan dan juga pemasaran. Ini untuk memastikan produk-produk dari Projek AgroBiz terjamin dari segi mutu, kesegaran dan bebas kimia. .

Alhamdulillah, pihak AgroBiz telah memulakan kolaborasi dengan Institute Pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam and Universiti Teknologi Brunei dalam usaha-usaha penyelidikan yang berkaitan dengan Agro-teknologi. Lebih 10 projek penyelidikan telah di kenal pasti, di mana satu projek iaitu Smart Watering Management system dari UTB sudah pun bermula. Kita ingin memastikan projek-projek yang terpilih nanti mampu menyelesaikan berbagai masalah yang kita hadapi seperti ancaman dari serengga perosak seperti Bena Perang, masalah burung pipit, peningkatan hasil bagi tanaman 100% organic dan sebagainya. Kita berharap hasil dari penyelidikan ini akan dapat di manafaatkan dalam skala commercial yang boleh membantu negara mempertingkat penghasilan beras negara (self-sufficiency in rice production) ke peringkat yang lebih baik.

Pihak AgroBiz juga telah menerima banyak pelawat-pelawat di sepanjang musim penanaman padi, yang rata-rata berminat dalam penanaman and pengurusan ladang secara organic dan pembuatan baja dan pesticide organic. Dan ada jua pelawat yang ingin melihat sendiri keindahan sawah padi yang subur menghijau di kelilingi bunga-bungaan yang berfungsi untuk melawan serangga perosak dari menyerang tanaman padi kita. Bagi mempermudahkan pihak AgroBiz berkongsi pengalaman dengan orang ramai dan peladang-peladang, kita akan membukakan kursus-kursus pendek dalam jangka masa yang terdekat. Beberapa kursus yang di kira dapat memberi manafaat sedang

dalam persediaan dan ini termasuk Penanaman Organik, Entrepreneurship in Padi Supply Chain dan sebagainya.

Memandangkan minat orang ramai yang ingin mengetahui secara lanjut proses penanaman padi dan amalan-amalan terbaik penanaman padi, pihak AgroBiz ingin berkerjasama dan mendapat bimbingan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mendapatkan pensijilan Good Agricultural Practice (GAP) bagi penghasilan padi. Di masa akan datang AgroBiz juga berminat untuk mencapai piawaian bagi tanaman padi secara organic dan juga bebas kimia perosak (pesticide free). Pengikhtirafan GAP and Bebas Kimia penting untuk memberi jaminan kepada pembeli produk AgroBiz yang kita memang benar mengamalkan standards yang telah ditetapkan sejajar dengan tagline produk AgroBiz iaitu 'Our Commitment to People and Planet'

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pelatih-pelatih AgroBiz yang akan memulakan perniagaan masing-masing. Saya teruja melihat Pelan Perniagaan abiskita, dan bagi pihak AgroBiz, kami sentiasa mendoakan supaya semua perancangan dapat di laksanakan lancar. Saya di fahamkan beberapa buah Syarikat telah di tubuhkan iaitu Syarikat AgroZid dan Golden Green yang akan memulakan Penanaman dan penghasilan padi. Syarikat Econic Farm insyaAllah akan membuat usahasama dengan sebuah syarikat tempatan dalam penghasilan baja organic. Manakala 2 orang pelatih telah di ambil bekerja oleh Syarikat Innovaero untuk memberikan perkhidmatan Drone Farm services dan seorang pelatih akan menyambung pelajaran.

Sebagai penutup saya berterima kasih bagi kehadiran tetamu kehormat dan para hadirin dan hadiran sekalian. Saya berharap semoga kerjasama pelbagai pihak baik dari Kementerian dan agensi kerajaan maupun pihak swasta bagi memajukan industri pertanian menjadi semakin kukuh dan sokong menyokong antara satu sama lain.

Sekian terima kasih.